

LAWATAN RASMI PRESIDEN KE INDONESIA

Presiden Halimah: Peluang kerjasama ekon digital S'pura, Indonesia luas

► **FAKHRURAZI ISMAIL**
mfismail@sph.com.sg
dari Yogyakarta, Indonesia

Ini termasuk kerjasama dalam bidang e-dagang, fintech, kecerdasan buatan dan khidmat data

MASIH terdapat ruang kerjasama yang boleh diteroka dan diperluas lagi antara Singapura dan Indonesia bagi kebaikan bersama.

Menyatakan demikian dalam satu sidang media di akhir lawatan rasminya di Indonesia semalam, Presiden Halimah Yacob menambah beliau dan Presiden Indonesia, Encik Joko Widodo, bersetuju untuk meneroka bidang kerjasama baru terutama bagi meningkatkan lagi pelaburan, pembangunan sumber manusia serta infrastruktur.

Mengongsi lebih lanjut, Puan Halimah berkata beliau dan Encik Jokowi antara lain, berbincang mengenai peluang kerjasama antara kedua-dua negara dalam sektor ekonomi digital di rantau ini. Ini termasuk e-dagang, teknologi kewangan (fintech), teknologi kecerdasan buatan (AI) dan dalam sektor perkhidmatan data.

Dengan kadar pertumbuhan ekonomi digital hampir 50 peratus setahun sejak 2015, Indonesia mempunyai sektor ekonomi digital yang paling pesat berkembang di rantau ini.

"Ia bukan sesuatu yang baru tetapi menawarkan peluang yang luar biasa untuk perniagaan kedua-dua negara dalam bidang infrastruktur teknologi maklumat.

"Ini adalah bidang di mana saya fikir terdapat banyak kemungkinan sinergi antara Singapura dan Indonesia untuk berkembang lagi," kata beliau.

Dalam pada itu, Puan Halimah menegaskan kesediaan Singapura untuk terus memberi kerjasama dengan Encik Jokowi bagi pelaksanaan bidang tersebut.

Beliau juga berkata Singapura ingin memperdalam serta meluaskan penglibatan dan kerjasama di wilayah lain selain Jakarta. Lawatannya ke Yogyakarta sebahagian daripada usaha tersebut.

Ketika di Yogyakarta, Puan Halimah bertemu dan menghadiri jamuan malam dengan Gabenor Yogyakarta, Sri Sultan Hamengkubuwono X, di Keraton (Istana) Yogyakarta.

Mereka menyetujui cara untuk memperkuat kerjasama antara Singapura dan Yogyakarta dalam bidang seperti membina sebuah bandar pintar serta program pertukaran pelajar dan budaya.

"Jogja menjadi contoh yang saya maksudkan ketika mengatakan bahawa kita ingin membangun hubungan, bukan hanya dengan Jakarta tetapi juga dengan wilayah lain.

"Sultan Hamengkubuwono X sangat berminat untuk membangunkan sebuah bandar pintar dan telah mula mengusahakannya.

"Tentunya terdapat banyak manfaat yang dapat diraih oleh perniagaan kita. Ia akan memberi manfaat kepada wilayah itu kerana anda membawa khidmat yang diperlukan... di samping mewujudkan pekerjaan baru," kata Puan Halimah.

Sebagai contoh, pada 2018 NUS Enterprise dengan kerjasama Salim Group telah menubuhkan BLOCK71@Yogyakarta.

Projek BLOCK71 dijadikan hab keusahawanan di pelbagai bandar di sekitar rantau ini untuk syarikat *start-up* bekerjasama, membina rangkaian serta mendapatkan akses kepada pembimbing, pembiayaan dan pasaran baru.

Sejak dimulakan, BLOCK71 yang sempat



SESI DIALOG: Presiden Halimah (kiri) dalam sesi dialog bertemakan 'Singapura dan Indonesia: Memperkuh Jambatan dan Berkembang Bersama'. Sekitar 54 mahasiswa daripada Universiti Gadjah Mada turut hadir dalam sesi tersebut. – Foto-foto ZAobao



KUNJUNGAN KE JOGJA: (Dari kiri) Suami Puan Halimah, Encik Mohamed Abdullah Alhabshee; Puan Halimah; Sultan Hamengkubuwono X; dan isteri, Gusti Kanjeng Ratu Hemas, bertemu di Keraton Yogyakarta kelmarin. Di sini mereka turut disajikan dengan persembahan kebudayaan dan jamuan makan malam.

dikunjungi Puan Halimah semalam, telah mencipta sebanyak 200 peluang pekerjaan.

Semalam, Puan Halimah juga berkesempatan mengadakan sesi dialog bertemakan 'Singapura dan Indonesia: Memperkuh Jambatan dan Berkembang Bersama' bersama sekitar 54 mahasiswa dari Universiti Gadjah Mada.

Beliau menggesa mahasiswa dari universiti yang telah melahirkan beberapa pemimpin Indonesia itu seperti Encik Jokowi, agar meneruskan usaha mempererat kerjasama antara kedua-dua negara pada masa hadapan.

Menyentuh tentang isu kesihatan yang melanda dunia pula, Puan Halimah berkata perkara tersebut turut menjadi kebimbangan di Indonesia, seperti yang dikongsikan Encik Jokowi ke-

padanya.

Justeru, kedua-dua pemimpin negara itu telah membincangkan kepentingan memperkuat kerjasama dua hala dan serantau untuk menangani ancaman kesihatan umum, iaitu jangkitan koronavirus.

"Kita mahu memastikan rakyat kita berada dalam keadaan selamat, tetapi dalam masa yang sama tidak mahu mewujudkan situasi di mana kita mempunyai keadaan ekonomi dan sosial yang terhenti. Ini tidak mungkin berlaku.

"Tahun lalu, terdapat Memorandum Persefahaman (MOU) dalam bidang kesihatan yang telah ditandatangani antara Singapura dan Indonesia di mana kita akan bekerjasama dan mengongsi maklumat penting dan kritikal," kata Puan Halimah.